

## Reaksi Masyarakat Islam di Malaysia terhadap Ekstremisme Reaction of the Muslim Community in Malaysia on Extremism

AHMAD MUNAWAR ISMAIL  
SITI MADIAH KAMARUDDIN

### ABSTRAK

Ekstremisme bukan watak yang baru dalam sistem sosial umat Islam. Kefahaman ini sudah berakar umbi dan sering datang melalui perlambangan yang mengelirukan sehingga sukar untuk masyarakat awam menentukan prinsipnya yang sebenar. Penebaran sebahagian daripadanya meluas, terancang dan tersusun. Perubahan pesat teknologi dan kepelbagaiannya media penyebaran juga menjadi faktor kenapa fahaman ini terus menyelusup masuk ke seluruh dunia dan mempengaruhi semua peringkat sosial termasuk profesional. Usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi membendung fahaman ini daripada mengganggu kerukunan beragama manusia. Untuk itu, artikel ini akan mengupas hasil dapatan kajian mengenai tahap pengetahuan dan kefahaman ekstremisme dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan sejauh mana reaksi mereka terhadap aktiviti ini. Kajian tinjauan (cross sectional survey design) telah digunakan sebagai kaedah kajian. Data-data diperoleh melalui satu set soal selidik daripada 1459 sampel penjawat awam beragama Islam yang dipilih secara rawak mudah dari seluruh Malaysia. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22.0. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan konsep ekstremisme masyarakat Islam adalah tinggi iaitu min=4.06, sp=0.51, tahap kefahaman masyarakat Islam mengenai ekstremisme juga adalah tinggi iaitu, min=4.30, sp=0.45 dan reaksi pencegahan mereka terhadap aktiviti ekstremisme juga adalah tinggi iaitu, min=4.19, sp=0.42. Jelasnya, keseluruhan dapatan kajian menunjukkan masyarakat Islam di Malaysia telah matang dalam hal ekstremisme dan telah mengambil pendekatan sewajarnya dalam menghadapi isu-isu berkaitan ekstremisme ini. Dapatkan ini juga menunjukkan gerakan aliran ini masih lagi terkawal namun perlu sentiasa dipantau bagi mengekalkan keharmonian beragama dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

*Kata kunci:* Pemikiran Islam; ekstremisme; masyarakat Islam; penjawat awam; Islam

### ABSTRACT

*Extremism is not a new character in the social system of Muslims. This understanding is deeply rooted and often comes through misleading representations that make it difficult for the public to determine its true principles. The dispersion of some of them is extensive, well-planned and organized. The rapid changes in technology and the diversified media dissemination are among the factors this belief continues to penetrate the world and influence all social levels including professionals. Continuous efforts should be carried out to curb this belief from interfering with the unity of religion. In order to do so, this article will elaborate on the findings of the study to determine the level of knowledge and understanding of extremism among Muslims in Malaysia and the extent to which they react to extremism. Cross sectional survey design was used as the research method. The data were obtained through a set of questionnaires from 1459 samples of Muslim civil servants selected randomly from all over Malaysia. The data were analyzed by descriptive statistics using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22.0. The results show that the level of knowledge of Islamic extremism concept is high at min=4.06, sp=0.51, level of understanding of Islamic society on extremism is also high, min=4.30, sp=0.45 and their prevention reaction to extremism activity is also high, min=4.19, sp=0.42. It is crystal clear that overall findings of the study show that the Muslim community in Malaysia has matured into extremism affairs and has taken proactive approach in dealing with issues related to extremism. This finding also shows that the movement is still under control but should be monitored to maintain the religious harmony among the Muslim community in Malaysia.*

*Keywords:* Islamic Thought, Extremism, Islamic Society, Civil Servants, Islam.

## PENDAHULUAN

Fenomena ekstremisme berlaku sepanjang masa. Secara sedar atau tidak sedar, fenomena ini telah berada di sekeliling kita sejak sekian lama. Ia mungkin wujud dalam kalangan kita, atau daripada kenalan kita atau daripada rakan-rakan profesional yang kita kenali atau tidak kita kenali. Kita tidak mampu meramal pemikiran seseorang hanya melalui apa yang kita lihat melalui zahir. Ia lebih daripada itu, bahkan melangkaui perkara-perkara yang pernah kita jangkakan. Siapa yang pernah mengenali Noordin Mat Top, rakyat Malaysia kelahiran Pontian, Johor sebagai seorang pembuat Bom dan ketua kepada kumpulan serpihan Jamaah Islamah “Tandzim Al-Qaedat Jihad Indonesia” yang bertanggungjawab merancang siri pengeboman di Bali, Indonesia pada tahun 2003 dan Jakarta, Indonesia pada tahun 2005 (Bernama 2 Oktober, 2009). Siapa juga yang pernah menjangka “Demolition Man”, gelaran yang diberi kepada Dr. Azahari Husin seorang pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia di Skudai, Johor dan penulis buku ‘multiple regression analysis’ adalah seorang pakar bom dan perancang utama di sebalik siri pengeboman di Indonesia dan Australia (Malaysia Kini 2005). Peristiwa yang membabitkan kedua-dua individu ini tidak boleh di lihat sebagai masalah peribadi yang lahir daripada rentetan pelbagai faktor dan rasa. Selain faktor dalaman seperti masalah jiwa, masalah keluarga, masalah kewangan dan sebagainya, pengaruh faktor luar seperti tekanan daripada kuasa Barat ke atas negara Islam, konflik persaudaraan di negara-negara Islam, pergolakan yang berlaku di beberapa buah negara di Timur Tengah banyak mempengaruhi aktiviti ekstremisme di negara ini. Jelasnya, persoalan mengenai ekstremisme adalah suatu yang kompleks dan proses menanganinya harus teliti, berstruktur dan sistematik. Ia bermula dengan perkara yang paling asas iaitu mengetahui konsep ekstremisme sama ada secara asas atau pun menyeluruh. Bagi masyarakat umum, mereka seharusnya mempunyai pengetahuan asas mengenai fahaman ini dan sentiasa mengambil berat perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka bagi mengelakkan kejadian yang boleh mengancam keselamatan negara ini berlaku tanpa disedari.

## EKSTREMISME DAN LARANGAN AGAMA

Ekstremisme merujuk kepada suatu fahaman, suatu sikap atau suatu perlakuan yang melampaui

batas sehingga melebihi had dan ketentuan yang sewajarnya sama ada daripada perspektif peraturan maupun pun daripada perspektif kemanusiaan. Dalam terminologi ekstrem, sikap dan fahaman yang melampau ini lazimnya di susuli dengan tindakan yang keras dan ganas yang sering menyusahkan masyarakat dan mengancam keselamatan negara (Nikhil Kanade 2016; Scarella et. al. 2016; Kartini et. al. 2019). Dalam Islam, fahaman ini bukan sahaja menghilangkan nilai kemanusiaan dan akhlak Islamiah bahkan mencemarkan sama sekali imej Islam sebagai agama yang membawa kepada perdamaian (Mohd Aizam 2019). Larangan kepada mengikuti fahaman seperti ini di sebut berulang kali dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis. Antaranya firman Allah SWT dalam surah an-Nisa’ (4) ayat 171 yang bermaksud,

Wahai ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya al-Masih Isa ibn Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah.

Berkenaan ayat ini, al-Tabari (2007) menjelaskan bahawa, maksud ayat ini adalah amaran Allah SWT kepada kaum Nasrani supaya tidak melampaui batas dalam agama. Mereka juga melarang daripada membicarakan perkara yang tidak benar tentang Nabi Isa dan mengatakan sesuatu yang tidak benar bagi Allah SWT seperti mengatakan bahawa Nabi Isa adalah anak Allah. Dalam ayat lain pada surah al-Maidah ayat 77 yang bermaksud,

Katakanlah (Muhammad), “Wahai ahli kitab, janganlah kalian berlebih-lebihan dengan cara yang salah dalam agamamu. Dan janganlah kalian mengikuti hawa nafsu orang-orang yang telah sesat terdahulu dan telah menyesatkan ramai orang, dan mereka sendiri tersesat dari jalan yang lurus.

Ayat ini adalah perintah Allah SWT kepada bangsa Yahudi dan Nasrani supaya tidak melampaui batas atau keluar dari garis yang dibenarkan dalam berbuat sesuatu. Ia merujuk kepada sikap bangsa Yahudi yang sangat percaya bahawa bangsanya adalah bangsa yang paling mulia di atas dunia dan sikap penganut Nasrani yang terlalu memuja al-Masih sehingga menganggapnya sebagai Allah atau anak Allah satu kepercayaan kuno yang tidak benar dan tidak memiliki asas yang kukuh. Kedua-dua bangsa ini telah sesat kerana mengikut hawa nafsu sehingga bertindak memusuhi, membunuh dan mengorbankan ahli-ahli Tauhid (Abdul Malik 1984; Al-Zuhaily 2003) Larangan yang sama juga terdapat dalam hadis Nabi SAW antaranya sebagaimana yang

diriwayatkan oleh Muslim (1966) dalam Sahihnya, pada kitab *'Ilmu bab Halaka Mutanatti'un* (No. 2670) yang bermaksud,

Binasalah orang-orang mutanatti'un! Binasalah orang-orang mutanatti'un! Binasalah orang-orang mutanatti'un!

Imam al-Nawawi dalam mentafsirkan hadis ini menyatakan, maksud *mutanatti'un* dalam hadis di atas ialah orang-orang yang keras, mempersulitkan ketika berbahas sesuatu permasalahan sehingga pentafsiran dan pendapatnya melampaui batas. Di antara maksud mempersulitkan di sini termasuklah membebankan diri sendiri dengan perkara yang tidak sepatutnya dibebankan seperti terlalu memikirkan kepentingan peribadi dengan menyusahkan urusan-urusan dunia.

Menurut Mohd Aizam (2019), prinsip dan ciri-ciri fahaman ekstremisme jelas berlawanan dengan ajaran Islam yang menyuruh umatnya agar bersederhana dalam agama dan kehidupan. Kesederhanaan dalam Islam adalah paksi kepada seluruh prinsip termasuk akidah, syariah dan akhlak. Sarananya disebut berulang kali dalam firman Allah SWT seperti dalam surah Al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud,

Dan demikian pula Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia, dan adalah Rasulullah menjadi saksi (pula) atas kamu.

Ayat ini menurut Abdul Malik (1984) adalah pengkisahan Allah SWT tentang sikap Yahudi yang berlebih-lebihan dalam mencari kekayaan harta benda untuk tujuan keduniaan dan sikap Nasrani yang berlebih-lebihan dalam soal akhirat sehingga melampaui nilai-nilai kemanusiaan. Sikap kedua-dua bangsa ini bukan hanya bertentangan dengan realiti kehidupan manusia malah tidak mampu diikuti oleh pengikut-pengikut mereka sendiri. Sehingga hari ini kedua-dua bangsa ini dikenali dengan amalan-amalan yang bertentangan dengan norma semula jadi manusia. Justeru, ayat ini memberi ingatan kepada umat Nabi Muhammad SAW agar bersederhana dalam semua amalan dan mengisi setiap keperluan diri dengan perkara-perkara yang diajar dan dibenarkan oleh syarak. Sikap dan amalan bersederhana ini juga dibutuh dalam firman Allah dalam surah al-Qasas ayat 77 yang bermaksud,

Dan carilah pahala negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupukan bahagianmu di dunia dan berbuatlah baik kepada orang lain

sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu membuat kerosakan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan.

Ibn Kathir (1988) pada ayat ini menjelaskan, sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui setiap keperluan manusia. Oleh sebab itu, kerjakanlah amal soleh dan jauhkan diri daripada perkara dan amalan yang boleh merosakkan orang lain kerana sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai mereka yang membuat kerosakan kepada muka bumi.

Daripada perspektif Barat, ekstremisme adalah kumpulan yang memiliki pandangan yang berlebih-lebihan, melampaui batas dan ganas dalam usaha mereka menyelesaikan sesuatu konflik atau untuk mencapai sesuatu tujuan. Lazimnya kumpulan ini diketuai oleh pemimpin spiritual yang keras dan ahli-ahli yang memiliki pandangan yang sederhana tetapi mempunyai kecenderungan bersimpati dengan perjuangan kumpulan tersebut. Roger Scruton (1982) menyatakan ekstremisme adalah individu atau kumpulan yang memiliki satu ideologi sama ada berbentuk agama atau politik, kemudian memaksa ideologi mereka diterima dengan menggunakan pelbagai cara yang lazimnya tidak praktikal, di luar kebiasaan dan bercanggah dengan hak asasi manusia. Bagi Bartoli, Andrea dan P.Coleman (2003), fahaman ekstrem ini boleh dilihat dari pelbagai perspektif termasuk kepercayaan, sikap, perasaan, tindakan dan strategi daripada seseorang individu atau satu kumpulan yang jauh melepas daripada kebiasaan. Kennedy (2011) pula menyatakan, ekstremisme adalah satu sistem kepercayaan yang jauh daripada amalan dan budaya masyarakat perdana tetapi sedikit bertoleransi kepada kepercayaan-kepercayaan lain. Kepercayaan tersebut datang dalam pelbagai bentuk seperti agama, politik atau gabungan antara keduanya tanpa menafikan pengaruhnya dalam aspek-aspek lain. Dalam konteks agama, Nikhil Kanade (2016) berpendapat, ekstremis sering memiliki ciri-ciri gabungan antara politik dan agama. Kumpulan ini menggunakan istilah jihad dalam konteks yang tertentu sehingga membawa kepada keganasan, perperangan dan penaklukan. Pernyataan yang dikemukakan Nikhil menunjukkan golongan ekstremisme menyalahgunakan nama Islam khususnya konsep Jihad untuk menyebarkan ideologi berbaur perpecahan dalam agama demi menghalalkan perancangan dan perbuatan golongan ini.

Daripada perspektif negara Malaysia, teras dan prinsip asas semua praktikaliti umat Islam

termasuk akidah, syariah dan akhlak adalah Ahli Sunah Waljamaah. Asas ini dalam tafsiran Malaysia adalah merujuk kepada golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW menerusi para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in. Termasuk di dalam tafsiran ini ialah golongan yang mengikut manhaj dan kaedah salaf, khalfah (Asya'irah dan Maturidiyyah) dan golongan yang berfahaman sederhana (wasatiyyah), tidak melampau dan tidak terlalu longgar. Tafsiran ini secara tidak langsung telah mengeluarkan golongan-golongan pelampau seperti Khawarij, Syi'ah Rafidhah, Qadariyyah, Jabariyyah, Mu'tazilah, Anti-hadis, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya (Zulkifli al-Bakri 2020). Tafsiran ini juga sekali gus meletakkan golongan ekstremisme dengan ciri-ciri yang disebutkan sebelum ini sebagai golongan yang ditolak kerana bertentangan dengan tafsiran Ahli Sunah Waljamaah. Jelasnya, fahaman ekstrem adalah suatu fahaman yang bukan sahaja bertentangan praktikaliti ahli Sunah Waljamaah bahkan bertentangan dengan semua norma kemanusiaan yang dipelopori Barat. Namun demikian, sikap seperti ini bukanlah suatu yang baru secara tepat. Ia adalah hasil rekaan manusia yang mempergunakan idea-idea agama untuk kepentingan peribadi. Prinsip asasnya adalah memahami dan beramal dengan nas secara literal, fanatic dengan pandangan kumpulannya, mengkafirkan kepada sesiapa yang berbeza pandangan dengannya dan salah tafsiran berkaitan konsep jihad (Mohd Anuar & Rahimin 2016; Maszlee Malik 2006) dan yang lebih bahaya, perlakuan zalim ini diletak di atas nama agama sedangkan hakikatnya ia adalah suatu yang jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip agama Islam yang sebenar (Maszlee Malik 2016).

Ada pelbagai faktor yang mendorong ekstremisme ini berlaku, iaitu, matlamat membentuk negara Islam sepenuhnya, fahaman agama yang cetek (jahil) dan fanatic kepada fahaman kumpulan (bagi sesiapa yang bertentangan pendapat dengan mereka, darah mereka adalah halal dan mesti diperangi). Dorongan ini menimbulkan salah faham yang memberi kesan bukan sedikit kepada keharmonian beragama dalam masyarakat. Selain daripada kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam awam, sebahagian daripadanya terperangkap dalam memberi tafsiran kepada isu ini. Ada yang melihatnya sebagai suatu propaganda, ada yang melihatnya sebagai kumpulan pemberontak yang akan menentang segala dasar-dasar kerajaan dan ada yang melihatnya sebagai pembela kepada

agama dengan segala bentuk penghinaan yang menimpa agama Islam dan mengaitkannya dengan senario yang telah dan sedang berlaku pada dunia Islam hari ini. Malah lebih bahaya, kekeliruan ini mengundang tingkah laku yang lebih ekstrem yang disebut sebagai terrorisme dan kedua-dua label ini kemudiannya dipropagandakan oleh Barat sebagai ajaran Islam (Kamaruddin 2011; Alex Henderson. 2013). Menurut al-Qaradawi (1990), fahaman ini terdiri daripada pandangan yang terpencil seperti satu titik kecil yang jauh daripada titik pertengahan. Dari sudut karakternya, terdapat enam tanda yang boleh kita nilai kecenderungan seseorang terhadap amalan ekstrem atau sebaliknya, iaitu al-Qaradawi (1990):

1. Fanatik kepada satu pendapat dan tidak mengakui pendapat orang lain. Ia tidak melihat kepada kepentingan (maslahah) manusia, tujuan-tujuan syarak dan realiti semasa. Ia tidak berlapang dada untuk mengadakan perbincangan dengan orang lain untuk mencari dan mengambil pendapat yang lebih kuat dalil dan alasannya.
2. Mewajibkan orang lain dengan sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah dan mengambil sikap keras dengan menolak sifat kelapangan dan keringanan.
3. Bersikap kasar pada bukan tempat dan masanya seperti bersikap keras pada masalah-masalah cabang (furuk') dan perkara yang diperselisihkan (khilafiyah) dan melupai perkara teras iaitu membetulkan akidah.
4. Kasar dalam pergaulan, kesat dalam tutur kata dan keras dalam penyampaian dakwah.
5. Prasangkaburuk pada orang lain dengan membuat tuduhan tidak berasas, menyembunyikan kebaikan-kebaikannya dan pada waktu yang sama membesar-besarkan kesalahannya.
6. Mengkufurkan orang lain dengan cara sewenang-wenangnya, menghalalkan darah dan harta bendanya. Mereka mengkafirkan setiap orang yang melakukan dosa besar, mengkafirkan orang yang tidak menerima fikiran mereka dan mengkafirkan orang yang tidak berbaiah dalam jemaah mereka.

Ringkasnya, fenomena ekstremisme adalah satu bentuk jenayah kejam terhadap semua manusia tanpa mengira agama, bangsa, tamadun dan negara. Ia memberi impak buruk kepada masyarakat dunia walaupun sering dikaitkan dengan umat Islam. Oleh sebab fahaman ekstremisme ini merentas agama,

ideologi, kaum dan tamadun maka satu pendekatan yang holistik dan praktikal perlu diperhalusi bagi menangani dan mengekang kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan norma-norma kemanusiaan, nilai-nilai peradaban dan agama-agama dunia. Tulisan seterusnya akan menghuraikan dapatan penyelidikan yang menunjukkan kefahaman dan reaksi pencegahan masyarakat Islam di Malaysia berkaitan isu ini. Huraian dapatan ini diharapkan dapat memberi gambaran terhadap tindakan yang harus diambil oleh-oleh pihak berkaitan berkenaan mekanisme yang sepatutnya dilakukan bagi terus menyedarkan masyarakat tentang bahaya aliran ini kepada pemikiran masyarakat dan keselamatan negara.

#### METODOLOGI PENYELIDIKAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil dapatan kajian mengenai kefahaman ekstremisme masyarakat Islam di Malaysia dan reaksi mereka terhadap isu-isu berkaitan ekstremisme (aliran dan pelaku ekstrem ini) yang dilaporkan. Kajian tinjauan (cross sectional survey design) telah digunakan sebagai reka bentuk utama dalam mengumpul dan memperoleh data. Satu set instrumen soal selidik telah diedarkan kepada seramai 1459 penjawat awam beragama Islam yang dipilih secara rawak mudah dari seluruh Malaysia. Pembinaan instrumen telah mengambil kira input-input daripada analisa literatur dan input pakar-pakar daripada kalangan pembuat dasar dan pelaksana daripada Kementerian serta agensi-agensi yang berkaitan seperti KPM, Kementerian Dalam Negeri (KDN), NGO dan lain-lain yang ditemui berkaitan. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22.0.

#### REAKSI MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA TERHADAP EKSTREMISME

Tulisan ini seterusnya akan mengulas hasil dapatan kajian berkaitan pengetahuan dan kefahaman ekstremisme dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia serta reaksi mereka terhadap aktiviti ekstremisme di negara ini. Dalam hal ini, statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan bagi menghuraikan dapatan kajian yang dimaksudkan. Statistik MANOVA telah digunakan untuk menentukan perbezaan seperti tahap kefahaman dan reaksi terhadap aliran ini berdasarkan jantina manakala statistik inferensi *correlation* digunakan untuk menjawab persoalan kajian berkaitan dengan menentukan hubungan. Akhir sekali statistik regresi (simple dan multiple regression) juga telah digunakan untuk menentukan pengaruh dan sumbangan.

Berkaitan dengan profil responden, seramai 1459 orang (sasaran awal responden termasuk ‘missing’ responden) telah dianalisis dalam kajian ini. Untuk lebih memudahkan memahami profil responden yang terlibat di dalam kajian ini, tulisan ini cuba melaporkan profil ini berdasarkan beberapa kategori utama, iaitu umur, status dan jantina. Daripada perspektif umur, kajian ini mengkategorikan 1459 orang responden kepada empat pecahan iaitu 20-29 tahun, 30-39 tahun, 40-49 tahun dan 50 tahun ke atas. Bilangan responden kajian berdasarkan umur dapat dilihat seperti jadual di bawah. Dalam jadual tersebut, responden yang mewakili 20-29 tahun adalah seramai 125 (8.6%), Bagi lingkungan umur 30-39 tahun pula adalah seramai 499 orang (34.2%). 562 orang (38.5%) melibatkan responden 40-49 tahun dan 273 orang (18.7%) bagi responden yang berumur 50 tahun dan ke atas.

JADUAL 1. Bilangan responden mengikut umur

UMUR	N	Valid %	Kumulatif %
20-29 Tahun	125	8.6	8.6
30-39 Tahun	499	34.2	42.8
40-49 Tahun	562	38.5	81.3
50 Tahun dan ke atas	273	18.7	100.0
Jumlah	1459	100	

Sumber: Soal Selidik 2019

Bilangan responden kajian berdasarkan status pula seperti terdapat pada jadual di bawah menunjukkan bahawa seramai 163 orang (11.2%) responden adalah

berstatus bujang dan 1244 orang (85.6%) daripada responden yang berkahwin. Seterusnya profil responden yang berstatus janda atau duda (bercerai

hidup) pula adalah seramai 27 orang (1.9%) dan seramai 20 responden yang berstatus balu (bercerai mati) (1.4%). Ini menunjukkan bahawa jumlah responden yang berkahwin lebih ramai berbanding dengan jumlah responden yang lain.

JADUAL 2. Bilangan responden mengikut status

STATUS	N	Valid %	Kumulatif %
Bujang	163	11.2	11.2
Berkahwin	1244	85.6	96.8
Janda/Duda	27	1.9	98.6
Balu	20	1.4	100.0
Jumlah	1454	100	

Sumber: Soal Selidik 2019

ini menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan lebih ramai terlibat di dalam kajian ini berbanding dengan pegawai lelaki.

Akhir sekali berkaitan profil adalah latarbelakang responden kajian berdasarkan jantina, jadual 3 di bawah menunjukkan seramai 408 orang (28.0%) responden kajian terdiri daripada lelaki dan seramai 1048 orang (72.0%) daripada perempuan. Jadual

JADUAL 3. Bilangan responden mengikut jantina

JANTINA	N	Valid %	Kumulatif %
Lelaki	408	28.0	28.0
Perempuan	1048	72.0	100.0
Jumlah	1456	100	

Sumber: Soal Selidik 2019

konsep dan isu ekstremisme akan membangkitkan kesedaran yang tinggi terhadap bahayanya aliran ini kepada keluarga, masyarakat dan negara. Tinggi atau rendahnya pengetahuan dan kefahaman ini pula bergantung kepada beberapa faktor antaranya termasuklah tahap pendidikan individu dan rasa nasionalisme yang tinggi dalam kalangan individu dan ahli-ahli dalam sesebuah masyarakat. Untuk melihatnya dalam konteks Malaysia, berikut adalah dapatan kajian mengenai pengetahuan, kefahaman, reaksi dan sikap masyarakat Islam terhadap pelaporan media berkaitan isu ini di Malaysia.

Seterusnya, berkaitan tahap pengetahuan dan tahap kefahaman, sebagaimana yang kita tahu, pengetahuan dan kefahaman yang baik terhadap

Daripada analisis statistik deskriptif yang dijalankan, dengan merujuk kepada cara interpretasi yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) seperti di dalam Jadual 5, didapati bahawa nilai-nilai yang diperolehi bagi semua konstruk (Pengetahuan, kefahaman, dan reaksi pencegahan) yang diuji adalah tinggi. Nilai-nilai yang diperolehi bagi setiap konstruk tersebut adalah min=4.06, sp=0.51 bagi tahap pengetahuan ekstremisme; min=4.30, sp=0.457 bagi tahap kefahaman ekstremisme dan min=4.19, sp=0.42 bagi reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme.

JADUAL 4. Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Norasmah 2001 dan Azhar 2006

Apabila disusun daripada skor min yang tertinggi kepada skor min yang terendah didapati bahawa responden yang mempunyai skor min tertinggi

pada kefahaman masyarakat Islam terhadap aktiviti ekstremisme. Seterusnya, secara berturutan diikuti oleh reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme

dan tahap pengetahuan mereka mengenai konsep ekstremisme. Keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia mempunyai mempunyai tahap kefahaman yang jelas dan matang pada pada konsep dan isu-isu berkaitan ekstremisme. Untuk lebih ringkas, jadual 5 di bawah menunjukkan tahap pengetahuan ekstremisme masyarakat Islam di Malaysia, kefahaman mereka terhadap aliran ekstremisme dan reaksi pencegahan mereka terhadap aktiviti ekstremisme.

Dari sudut analisis hubungan pula, berdasarkan kekuatan nilai pekali korelasi yang dicadangkan oleh Chua (2009) sebagaimana jadual 6 di bawah dan daripada analisis korelasi (*Pearson correlation product moment*) yang dijalankan, nilai yang diperolehi adalah  $\text{min}=4.0625$ ,  $\text{sp}=0.50997$  (tahap pengetahuan) dan  $\text{min}=4.3077$ ,  $\text{sp}=0.45755$  (tahap kefahaman aliran ekstremisme), dengan nilai  $r=0.648$ ,  $r^2=0.4199$  dan  $\text{sig.}=0.000$ .

JADUAL 5. Pengetahuan, kefahaman dan reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme di Malaysia

Item Soalan	N	Min	SP	Tahap
Pengetahuan ekstremisme	1459	4.06	0.51	Tinggi
Kefahaman aliran ekstremisme	1459	4.30	0.45	Tinggi
Keseluruhan	1459	4.18	0.48	Tinggi

Sumber : Soal Selidik 2019

JADUAL 6. Kekuatan nilai pekali kolerasi

Saiz Pekali Kolerasi (r)	Kekuatan Kolerasi
0.91 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 atau -0.10 hingga -0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada kolerasi

Sumber: Chua 2009

Nilai min yang diperolehi bagi kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji seperti di jadual 7 di bawah menunjukkan bahawa responden yang dikaji mempunyai tahap pengetahuan konsep ekstremisme yang tinggi. Seterusnya nilai r menunjukkan wujudnya hubungan korelasi yang signifikan antara tahap pengetahuan ekstremisme dan tahap kefahaman mereka terhadap konsep dan aktiviti

ekstremisme di negara ini. Walau bagaimanapun kekuatan hubungan yang diperolehi adalah pada tahap yang sederhana (Chua 2009). Seterusnya nilai  $r=0.648$  memberikan implikasi bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan ekstremisme masyarakat Islam maka tahap kefahaman mereka terhadap aktiviti ekstremisme akan turut meningkat.

JADUAL 7. Hubungan Pengetahuan Ekstremisme dengan Kefahaman terhadap Aktiviti Ekstremisme

Pemboleh Ubah	N	Min	SP	r	$r^2$	Sig
Tahap Pengetahuan ekstremisme	1459	4.0625	0.50997	0.648**	0.4199	0.000
Tahap Kefahaman aktiviti ekstremisme	1459	4.3077	0.45755			

\*\* Signifikansi pada aras 0.01

Analisa kajian juga di buat bagi melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman ekstremisme dengan reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Jadual 8 di bawah menunjukkan hubungan antara antara tahap kefahaman ekstremisme dengan reaksi mereka

terhadap pencegahan aktiviti ekstremisme. Daripada pengujian statistik (*Pearson correlation product moment*) yang dijalankan, nilai yang diperolehi adalah  $\text{min}=4.0625$ ,  $\text{sp}=0.50997$  (tahap kefahaman ekstremisme) dan  $\text{min}=4.1940$ ,  $\text{sp}=0.42625$  (reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme), dengan nilai  $r=0.589$ ,  $r^2=0.3469$  dan  $\text{Sig}=0.000$ . Nilai

kedua dua min yang diperolehi bagi pemboleh ubah yang dikaji didapati berada pada tahap yang tinggi. Ini memberikan gambaran bahawa responden yang dikaji didapati mempunyai tahap kefahaman ekstremisme yang tinggi. Kefahaman yang tinggi tersebut menjadikan reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme adalah tinggi. Nilai  $r=0.589$  iaitu menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan (positif) antara antara tahap kefahaman

ekstremisme dengan reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme. Bagaimanapun nilai  $r$  yang diperolehi masih lagi pada tahap yang sederhana (Chua 2009). Namun nilai  $r=0.589$  juga memberikan implikasi bahawa peningkatan kepada tahap kefahaman ekstremisme menjadikan reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme turut meningkat.

JADUAL 8. Pengaruh Kefahaman Ektremisme Terhadap Reaksi Pencegahan Aktiviti Ekstremisme

Pemboleh Ubah	N	Min	SP	r	$r^2$	Sig
Tahap kefahaman ekstremisme	1459	4.0625	0.50997	0.589**	0.3469	0.000
Reaksi Pencegahan Aktiviti Ekstremisme	1459	4.1940	0.42625			

\*\* Signifikans pada aras 0.01

Bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian, analisa analisis *simple regression* (*stepwise*) dilakukan bagi melihat pengaruh tahap kefahaman ekstremisme kepada reaksi pencegahan mereka terhadap aktiviti ekstremisme. Beberapa data yang boleh mengganggu (*casewise diagnostics*) kebolehpercayaan dapatan regression telah digugurkan. Andaian-andaian regresi linear seperti ujian kesamaan varian dan ujian normality serta aspek-aspek kolineariti telah dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan (Hair et al. 2006). Analisis *regression* ini melibatkan satu peramal (tahap kefahaman ekstremisme). Sedangkan pemboleh ubah reaksi pencegahan aktiviti ekstremisme adalah sebagai (criterion) kepada pemboleh ubah tahap kefahaman ekstremisme tersebut. Jadual 9 dan 10 di bawah ini menunjukkan hasil regresi mudah (*stepwise*). Daripada analisis regresi mudah yang dijalankan didapati bahawa varian tahap kefahaman ekstremisme masyarakat Islam adalah signifikan terhadap pemboleh ubah reaksi pencegahan aktiviti ekstremisme, iaitu  $F=772.123$ ,  $Sig=0.000$

$< 0.05$ , nilai Beta 0.589,  $t=30.290$  dan  $t=27.787$ ,  $Sig=0.000$  dan  $R^2=0.346$ . Dapatkan ini menunjukkan bahawa 34.6% pemboleh ubah tahap kefahaman ekstremisme memberi kesan, menyumbang atau mempengaruhi reaksi pencegahan terhadap aktiviti ekstremisme (Pallant 2001; Hair et al. 2006).

Kesimpulan yang dapat diambil daripada dapatan regresi ini adalah, apabila pemboleh ubah tahap kefahaman ekstremisme penjawat awam meningkat seunit maka skor reaksi pencegahan penjawat awam terhadap aktiviti ekstremisme akan meningkat sebanyak satu unit. Daripada dapatan regresi tersebut dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = 43.911 + 0.346 X + 1.450$$

Y Reaksi Penjawat Awam terhadap Aktiviti Ekstremisme

X Tahap Kefahaman Ekstremisme Penjawat Awam (Pendidikan)

Pemalar (Constant) 43.911

Ralat Piawai (Standard Error) 1.450

JADUAL 9. Analisis Varians

Model	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
1	Regrasi	36702.117	1	36702.117	772.123
	Residual	69257.096	1457	47.534	
	Total	105959.213	1458		

Signifikan pada aras 0.05

Predictors: (Constant), Tahap Kefahaman Ekstremisme

Dependent Variable: Reaksi Pencegahan terhadap Aktiviti Ekstremisme

JADUAL 10. Ujian Regression

Peramal	B	Ralat Piawai	Beta	t	Sig.	R <sup>2</sup>	Sumbangan
(Pemalar)	43.911	1.450		30.290	0.000	0.346	34.6%
Tahap Kefahaman Ekstremisme Penjawat Awam	0.492	0.180	0.589	27.787	0.000		

Dependent Variable: Reaksi Pencegahan terhadap Aktiviti Ekstremisme

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil analisa dapatkan kajian yang telah dibincangkan dan pada semua objektif yang dimaksudkan, maka kita dapat semuanya menunjukkan dapatan yang tinggi, baik dan positif. Dengan kata lain dapatan ini menunjukkan pemikiran masyarakat Islam di Malaysia adalah matang dan kematangan ini yang diperlukan oleh negara bagi mengelakkan berlaku salah tanggapan atau salah faham terhadap Islam yang menjadi agama rasmi persekutuan sekali gus mampu memupuk keharmonian dalam masyarakat dan kerukunan dalam beragama. Dapatan terhadap hubungan dan regresi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang ditunjukkan juga menunjukkan tahap signifikan yang positif. Meskipun dapatan menunjukkan sesuatu yang positif tetapi itu tidak bermakna kerajaan atau pihak-pihak berkaitan boleh menarik nafas lega dan mengalih tumpuan kepada pembangunan aspek-aspek lain semata-mata sebaliknya usaha berterusan perlu dilakukan bagi melihat perkembangan baik ini berterusan dan terus dipertahankan dalam usaha kita bersama-sama menangani dan mengekang kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan norma-norma kemanusiaan dan nilai-nilai peradaban ini. Untuk itu, bagi membolehkan usaha ini dilaksanakan secara sistematis dan berkesan, perlu ada kesedaran di peringkat akar umbi berkaitan fahaman ini. Elemen-elemen penting berkaitan fahaman ini dan perkara-perkara yang boleh membawa kepadanya perlu disusun dalam sebuah modul yang sesuai dengan pemikiran generasi muda negara kita.

## PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi Dana Cabaran Perdana 2017 (DCP) di bawah projek bertajuk, ‘Fahaman dan aktiviti ekstremisme pegawai-pegawai perkhidmatan awam di Malaysia’ yang bernombor DCP-2017-009/3.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Hamid, Yusoff bin Yunus. 2006. *Mengenal Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Abdullah Basmeih Muhammad Basmeih. 1998. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur : Darul Fikir.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA). 1984. *Tafsir Al-Azhar*. Indonesia: PT. Pembimbing Masa.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 2007. *Tafsir al-Tabari*. Jakarta: Pustaka Azam
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2013. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Alex Henderson. 2013. 10 of the Worst Terror Attacks by Extreme Christians and Far-Right White Men. AlterNet. <http://www.alternet.org>. July 24, 2013.
- Angel Rabasa. 2007. New World Disorder Different Types of Ungoverned Territories.
- Asaf A. A. Fyzee. 1959. The reinterpretation of Islam. *University of Malaya Law Review* 1(1): 39-57. <https://www.jstor.org/stable/24874699>
- Ayob Khan Mydin Pitchay. 2019. Meja Bulat Syariah Episode 14 (Jihad). Accessed on: 23, 2019. <https://www.youtube.com/watch>
- Ayoub, Mohammad. 1984. *The Quran and its Interpreters*. Jilid 1. Albany: State University of New York Press.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi pembelajaran dan pengaturan kendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bartoli, Andrea, and P. Coleman. 2003. Dealing with extremists. Beyond Intractability Burgess, Conflict Research Consortium, University of Colorado, Boulder. <http://www.beyondintractability.org/essay/dealing-extremists>. Diakses pada: 14 Mei 2018.
- Baqai, Huma. 2011. Extremism and fundamentalism: Linkages to terrorism Pakistan's perspective. *International Journal of Humanities and Social Science* 1(6): 242-248.
- Blackburn, S. 1996. *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford New York: Oxford University Press.
- Chua Yan Piaw. 2009. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Coady, J. & Huckin, T. 1997. *Second Language Vocabulary Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Elias A. Elias & Edward E Elias. 1913. *Elias Modern Dictionary*. Ain Shams East. Kaherah.
- Ensiklopedia Britannica, Disember 2016. <https://global.britannica.com/topic/liberalism>.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. dan Black, W. C. 2006. *Multivariate Data Analysis*. Edisi Kelima. New Jersey: Prentice Hall.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad, Mu'ajam Maqayis al-Lughah Vol. 6. (Beirut: Dar al-Fikr, 1979)
- Ibn Kathir, Ismail Ibn Umar. 1988. *Tafsir al-Quran al-Azim/imad al-Din Abu al-Fida' Ismail*. al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibrahim Abu Rabi'. 1994. A note on some recent western writing on Islamic resurgence. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 11(3): 420.

- Kanade, N. 2016. Tracing Islamic Extremist Ideologies: The Historical Journey of Jihad from The Late Antiquity Period to The 21<sup>st</sup> Century. Unpublished Senior Thesis. California LA: Claremont Colleges.
- Kennedy, R. F. 2011. Introduction. Dlm. *Extremism*, edited by Wills, L. New York: Gale Cengage Learning.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid, Muhammad Helmy Abd. Gapor & Ahmad Munawar Ismail. 2019. Ekstremisme: Maksud dan konteks keganasan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46(2): 150-177.
- Laurie Willis. 2011. *Extremism*. New York: Greenhaven Press.
- Malaysia Kini*. 2005. Dr. Azahari Husin terbunuh. <http://www.malaysiakini.com/news/42818>
- Manent, P. 1995. *An Intellectual History Liberalism*. Princeton University Press: New Jersey.
- Maszlee Malik. 2016. ISIS. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Maszlee Malik, sunt. 2016. *IS/ISIL/DAESH: ISIS*. Batu Caves, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Aizam Masud. 2019. Ektremisme dan Rehabilitasi Ekstremis daripada Perspektif Agama, Bangi. Temubual 26 Oktober.
- Mohd Faizal Abdul Khir, Muhammad Syahid Ahmad, Mohd. Khairul Nizam Zainan Nazri. 2015. Sustaining tolerance according to Brenda Almond's "Education for Tolerance": An analysis from Islamic perspective. *IOSR Journal of Humanities and Social Science* 8(20): 46-50.
- Mohd Sulaiman Yasin. 1997. *Ahlis-Sunnah Wal-Jama'ah*. Bangi: Yayasan Salman.
- Mohd Sulaiman Yasin. 1997. *Ahlul Al-Sunnah Wa Al-Jamaah: Sejarah Pertumbuhan, Skop Pengertian Dan Metodologi*. Kuala Lumpur: Syarikat Perniagaan Rita.
- Muslim, Abu Hussin Muslim bin al-Hujjaj al-Qushairi al-Nisaburi. 1966. *Sahih Muslim*. Istanbul: Maktabah al-Islamiyyah.
- Norasmah Othman. 2001. Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Neuman, W. L. 2003. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 5th edition. USA: Pearson Education, Inc.
- Oxford Dictionaries, Ogos 2018. <https://en.oxforddictionaries.com/definition/liberal>. Oxford University Press.
- Oxford Dictionary of Philosophy. 2001. New York and Oxford: Oxford University Press.
- Pallant, J. 2001. *SPSS Survival Manual*. Crow Nest, NSW: Allen & Unwin.
- Ridha Aida. 2005. Liberalisme dan Komunitarianisme Konsep Tentang Individu dan Komunitas. *Jurnal Demokrasi*. IV(2): 1-2.
- Scruton, R. 1982. *A Dictionary of Political Thought*. London: Macmillan Press.
- Zulkifli al-Bakri. 2020. Huntington, S. P. 1997. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Touchstone Rockefeller Centre.
- Scarella, A., Page R, Furtado V. 2016. Terrorism, radicalisation, extremism, authoritarianism and fundamentalism: A systematic review of the quality and psychometric properties of assessments. *PLoS ONE* 11(12):e0166947 <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0166497>. Accessed on: 5 Februari 2019.
- Seyyed Hossien Nasr. 1988. *Traditional Islam in the Modern World*. Kuala Lumpur: Foundation of Traditional Studies.
- Sihabuddin Afroni. 2016. Makna ghuluw dalam Islam: Benih ekstremisme beragama. *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya* 1(1): 70-85.
- Wan Adli Wan Ramli. 2012. *Bahaya Liberalisme dan Pluralisme Agama Terhadap Akidah Belia Muslim*. Johor Bharu: Master Gift Sdn. Bhd.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1990. *Islamic Awakening between Rejection & Extremism*, Ed. A.S Al-Shaikh Ali & Mohamed B. E. Wasty. Herndon: American Trust Publication & The International Institute Of Islamic Thought.
- Zakaria Stapa, Mohd Nasir Omar, Siti Rugayah Tibek, Wan Sabri Wan Yusof, Mashitoh Yaakob, Latifah Abdul Majid & Ahmad Munawar Ismail. 2018. *Laporan Akhir Kajian Pengaruh Aliran Pemikiran Islam Liberal dan Pluralisme di Malaysia*. Putrajaya: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Al-Zuhaily, Wahbah Mustafa al-Zuhaily. 2003. *Tafsir al-Munir*. Selangor: Telaga Biru.
- Zulkifli al-Bakri. 2020. Malaysia Negara Ahli Sunnah Wal Jamaah: Satu Penegasan. Al-Bayan Siri 5. <https://zulkiflialbakri.com/>
- Ahmad Munawar Ismail  
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43000 UKM Bangi  
Selangor  
[munawar@ukm.edu.my](mailto:munawar@ukm.edu.my)
- Siti Madiah Kamaruddin  
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43000 UKM Bangi  
Selangor  
[madiyah.kamaruddin@gmail.com](mailto:madiyah.kamaruddin@gmail.com)